



**Perbadanan Insurans Deposit Malaysia**  
**Protecting Your Insurance And Deposits In Malaysia**

---

---

**GARIS PANDUAN BAGI AHLI PENGINSURANS  
MENGENAI PENGGUNAAN LAMBANG PERLINDUNGAN  
DAN KEAHLIAN PIDM DALAM IKLAN**

---

**TARIKH DIKELUARKAN : 29 FEBRUARI 2012**



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia  
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

<b>No Rujukan</b>	TIPS/GL11/2012(MREP)	<b>Dikeluarkan pada</b>	29 Februari 2012
-------------------	----------------------	-------------------------	------------------

<b>TAJUK</b>	Garis Panduan bagi Ahli Penginsurans mengenai Penggunaan Lambang Perlindungan dan Keahlian PIDM dalam Iklan
--------------	---

## ISI KANDUNGAN

<b>BAHAGIAN 1: PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
<b>BAHAGIAN 2: DEFINISI.....</b>	<b>1</b>
<b>BAHAGIAN 3: PERUNTUKAN BERKAITAN PENGGUNAAN LAMBANG PERLINDUNGAN DAN KEAHLIAN PIDM DALAM IKLAN.....</b>	<b>2</b>
<b>BAHAGIAN 4: LARANGAN .....</b>	<b>3</b>
<i>Ilustrasi 1 .....</i>	<i>4</i>



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia  
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

<b>No Rujukan</b>	TIPS/GL11/2012(MREP)	<b>Dikeluarkan pada</b>	29 Februari 2012
<b>TAJUK</b>	Garis Panduan bagi Ahli Penginsurans mengenai Penggunaan Lambang Perlindungan dan Keahlian PIDM dalam Iklan		

---

## BAHAGIAN 1: PENGENALAN

---

### LATAR BELAKANG

- 1.1 Garis panduan ini diterbitkan di bawah Seksyen 209 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 susulan pertanyaan daripada ahli penginsurans yang ingin mendapatkan nasihat daripada PIDM mengenai pengiklanan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans PIDM serta mengenai pemaparan dan penggunaan lambang keahlian PIDM dalam iklan produk takaful dan insurans mereka.
- 1.2 Sementara menunggu penerbitan Peruntukan berkaitan Pendedahan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans bagi ahli penginsurans, ahli yang mahu memaklumkan kepada pelanggan mereka mengenai perlindungan PIDM di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dibenarkan berbuat demikian seperti cara yang dinyatakan di bawah. Bagaimanapun, ia tidak seharusnya dilakukan dengan cara mengelirukan pelanggan yang menyebabkan mereka mempercayai sijil takaful atau polisi insurans yang dipasarkan atau dijual oleh ahli penginsurans dilindungi sepenuhnya oleh PIDM.

### PERTANYAAN

- 1.3 Pertanyaan berkaitan Garis Panduan ini boleh diajukan kepada Puan Suhaida Mohd Sulaiman di talian 03-22656418 ([suhaida@pidm.gov.my](mailto:suhaida@pidm.gov.my)), Puan Jun Izwani Abdul Aziz di talian 03-21737524 ([izwani@pidm.gov.my](mailto:izwani@pidm.gov.my)) atau Puan Hoh Li Yun di talian 03-21737561 ([liyun@pidm.gov.my](mailto:liyun@pidm.gov.my)).

---

## BAHAGIAN 2: DEFINISI

---

- 2.1 'Iklan' bermaksud iklan bercetak, media dan sebarang bentuk iklan lain termasuk, brosur produk, risalah dan bahan material lain yang mengandungi maklumat mengenai atau mempromosikan produk takaful atau insurans, tanpa mengira bentuk atau medium yang digunakan.
- 2.2 'Pelanggan' termasuk pelanggan berpotensi dan sedia ada.

---

### BAHAGIAN 3: PERUNTUKAN BERKAITAN PENGGUNAAN LAMBANG PERLINDUNGAN DAN KEAHLIAN PIDM DALAM IKLAN

---

- 3.1 Bagi mengelak kekeliruan dan pendedahan yang tidak tepat, ahli penginsurans hanya dibenarkan menggunakan pernyataan yang ditunjukkan di bawah dalam iklan produk takaful atau insurans mereka untuk memaklumkan kepada pelanggan mereka mengenai perlindungan PIDM di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

*[nama ahli penginsurans] ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang diinsuranskan di bawah sijil takaful atau polisi insurans yang ditawarkan oleh [nama ahli penginsurans] dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada [nama ahli penginsurans] atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).*

- 3.2 Sekiranya sesebuah ahli penginsurans mahu menggunakan lambang keahlian PIDM dalam iklan produk takaful atau insurans mereka, ahli penginsurans dibenarkan berbuat demikian sama ada dengan menyediakannya dalam bentuk pernyataan atau bergambar, **dekat dengan nama ahli penginsurans dan pernyataan yang dirujuk dalam 3.1**, seperti yang ditunjukkan dalam Ilustrasi 1.
- 3.3 Bagi lambang keahlian dalam bentuk pernyataan, ahli penginsurans boleh menggunakan salah satu daripada pernyataan berikut manakala saiz dan cetakan pernyataan itu perlu mudah dibaca dengan jelas:
- (a) "Ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia" atau "Suatu ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia";
  - (b) "Ahli PIDM" atau "Suatu ahli PIDM";
  - (c) "(nama ahli penginsurans) ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia"; atau
  - (d) "(nama ahli penginsurans) ialah ahli PIDM".
- 3.4 Paparan lambang keahlian dalam bentuk bergambar perlu dapat dilihat dengan jelas dan nyata serta dalam saiz dan ukuran yang sesuai dengan susun atur iklan.



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia  
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

<b>No Rujukan</b>	TIPS/GL11/2012(MREP)	<b>Dikeluarkan pada</b>	29 Februari 2012
-------------------	----------------------	-------------------------	------------------

<b>TAJUK</b>	Garis Panduan bagi Ahli Penginsurans mengenai Penggunaan Lambang Perlindungan dan Keahlian PIDM dalam Iklan		
--------------	---	--	--

- 3.5 Ahli penginsurans boleh menulis kepada [info@pidm.gov.my](mailto:info@pidm.gov.my) bagi mendapatkan imej salinan lambang keahlian dalam bentuk bergambar dalam format PDF dan AI.

---

#### **BAHAGIAN 4: LARANGAN**

---

- 4.1 Ahli penginsurans tidak dibenarkan menyediakan huraian bertulis mengenai perlindungan PIDM di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dalam iklan mereka. Ahli penginsurans perlu sebaliknya merujuk pelanggan kepada laman web PIDM, brosur atau Pusat Panggilan PIDM. Sebarang rujukan kepada, huraian atau lambang perlindungan PIDM di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan keahlian, yang dibuat atau digunakan dalam iklan produk takaful atau insurans ahli penginsurans, selain daripada seperti yang disediakan dalam garis panduan ini, memerlukan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada PIDM.

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia  
29 Februari 2012

### ILUSTRASI 1

**XYZ INSURANCE BERHAD**

Ahli PIDM

XYZ Insurance Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang diinsuranskan di bawah sijil takaful atau polisi insurans yang ditawarkan oleh XYZ Insurance Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada XYZ Insurance Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

**PELAN PERUBATAN**

-----

-----

-----

Pilihan 1 - Penggunaan Lambang Keahlian dalam Bentuk Pernyataan Lambang keahlian dan pernyataan standard perlu dekat dengan nama

**XYZ INSURANCE BERHAD**

XYZ Insurance Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang diinsuranskan di bawah sijil takaful atau polisi insurans yang ditawarkan oleh XYZ Insurance Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada XYZ Insurance Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

Lambang Keahlian

**PELAN PERUBATAN**

-----

-----

-----

Pilihan 2 – Penggunaan Lambang Keahlian dalam Bentuk Bergambar Lambang keahlian dan pernyataan standard perlu dekat dengan nama

### PELAN PERUBATAN

-----  
-----  
-----  
-----

Pilihan 3 – Penggunaan Lambang Keahlian dalam Bentuk Pernyataan  
Lambang keahlian dan pernyataan standard perlu dekat dengan nama

### XYZ INSURANCE BERHAD

Ahli PIDM

XYZ Insurance Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang diinsuranskan di bawah sijil takaful atau polisi insurans yang ditawarkan oleh XYZ Insurance Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada XYZ Insurance Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

### PELAN PERUBATAN

-----  
-----  
-----  
-----

Pilihan 4 – Penggunaan Lambang Keahlian dalam Bentuk Bergambar  
Lambang keahlian dan pernyataan standard perlu dekat dengan nama

### XYZ INSURANCE BERHAD

XYZ Insurance Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang diinsuranskan di bawah sijil takaful atau polisi insurans yang ditawarkan oleh XYZ Insurance Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada XYZ Insurance Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

